



Kempen derma darah Fomema

Info

→ Tingkat kesedaran menderma, bantu PDNM tambah bekalan

Oleh **Nasuha Badrul Huzaini**
nusuha@bh.com.my

Dalam menyokong usaha berterusan Pusat Darah Negara Malaysia (PDNM), Unitab Medic Sdn Bhd (FOMEMA) mengunjurkan program Kempen Derma Darah FOMEMA 2016, baru-baru ini.

Program sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat itu bertujuan membantu PDNM menambahkan bekalan sebagai persediaan menghadapi permintaan.

Ketua Pegawai Eksekutif FOMEMA, Datuk Mohd Hatar Ismail, berkata beliau berharap program berkenaan dijadikan tanggungjawab sosial bersama di samping memastikan bekalan darah mencukupi.

Bantu sesama insan

"Apabila kita membantu sesama insan dengan menderma darah, kita menjadi sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar.

"Diharapkan dengan rasa penuh tanggungjawab, usaha ini dapat memupuk semangat tolong menolong dalam

kalangan masyarakat.

"Keperluan bekalan darah di hospital seluruh negara meningkat dan kami bersama PDNM berharap rakyat secepat terus membantu menyalurkan usaha ini," katanya.

Satu bag tiga nyawa

Tambahnya lagi, menerusi program ini, FOMEMA menggalakan lebih ramai orang menjadi pendermawan darah baharu. Pendermawan sedia ada boleh mempromosikan usaha ini dalam kalangan sahabat dan keluarga masing-masing untuk kebaikan.

"Kami percaya setiap individu

membawa perubahan dengan cara mereka yang sendiri. Selain itu, menurut PDNM, setiap satu beg darah boleh menyelamatkan tiga nyawa.

"Justeru, kami menyasar untuk mendapatkan lebih ramai pendermawan pada kempen akan datang bagi membina sebuah masyarakat lebih harmoni dan bertanggungjawab kepada PDNM," katanya.

Kempen berkenaan sejajar dengan tema Kempen Derma Darah Tahun 2016 yang diumumkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (iaitu 'Darah menghubungkan kita semua').

→ Kempen berkenaan berjaya mengumpulkan lebih 100 orang pendermawan yang terdapat daripada kakitangan FOMEMA dan orang awam

Kelebihan menderma darah

- Tingkat kualiti kesihatan.
- Darah pendermawan akan digantikan dengan sel darah baharu yang segar sebagai menderma.
- Menderma darah boleh mengurangkan risiko pendermawan.
- Mengurangkan risiko serangan penyakit berkaitan kardiovaskular.
- Mengurangkan risiko serangan kanser.